

Puteri Gunung Ledang DALAM CATAN SONGKET

Di Malaysia, songket menjadi satu daripada seni tradisional yang amat popular dan amat sinonim dalam kehidupan masyarakat, terutama masyarakat Melayu. Songket merupakan sejenis kain yang biasanya ditunen dengan mesin tradisional dan mempunyai corak rumit benang emas atau perak. Setiap tenunan songket mempunyai corak tertentu, seperti bunga tabur dan bunga penuh.

Jika dilihat sejarah, songket mula terkenal di Malaysia pada awal abad ke-15 dan seterusnya berkembang pesat, terutama di Terengganu dan Kelantan. Dahulunya songket hanya dipakai

oleh golongan bangsawan, iaitu kerabat diraja dan orang besar negeri. Kehalusan tenunan dan kerumitan motif corak songket pada ketika itu menggambarkan pangkat dan kedudukan tinggi seseorang pembesar. Songket mempunyai nilai sejarah yang tinggi sebagai fabrik warisan agung. Selain mengangkat martabat si pemakai, motif dan warna tenunan songket melambangkan kedudukan seseorang.

Namun demikian, kini songket tidak asing lagi bagi masyarakat umum. Cara pemakaiannya juga lebih meluas dan menjadi pilihan utama untuk dijadikan sebagai busana bagi pelbagai perayaan, termasuklah sambutan hari raya


dan majlis perkahwinan. Begitu juga dengan corak dan motifnya yang semakin kontemporari, sesuai dengan dan peredaran masa. Terdapat juga songket yang memecah harga ribuan ringgit, tetapi masih dibeli oleh orang yang meminatinya kerana keunikannya coraknya dan nilai komersialnya.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa nilai songket amat tinggi berdasarkan cara penghasilannya dan masa yang diambil untuk membuatnya. Songket Terengganu, misalnya, perlu melalui sekurang-kurangnya lapan proses bagi menghasilkan sehelai kain songket. Hanya beberapa orang individu yang mahir menenun songket ini yang diajar dari zaman nenek moyang mereka. Hal ini membuatkan songket amat eksklusif, diangkat sebagai seni, dan menjadi simpanan turun-temurun.

Namun demikian, kemunculan fabrik moden yang lain, seperti sutera dan kapas, menjadikan songket semakin dilupakan. Kegilaan anak muda terhadap fabrik moden ini berlaku mungkin disebabkan oleh kainnya yang lebih nipis dan harganya lebih murah untuk diperolehi. Hal ini menjadikan songket semakin tercicir daripada pilihan utama bagi generasi muda.


Atas dasar itu, Muzium Seni Asia, dengan kerjasama Koperasi Pelukis-pelukis Negara Berhad, menganjurkan pameran lukisan bertemakan songket bagi membuka mata masyarakat tentang keindahan seni tradisional kebudayaan Melayu ini. Pameran yang dikenali sebagai "Faizal Sidik: Catan Songket" ini menghimpunkan lebih daripada 50 karya seni yang dihasilkan dari tahun 2010 hingga 2016. Songket merupakan seni kraf tekstil tradisi Melayu yang terkenal di seluruh dunia yang menggunakan elemen geometrik untuk menghasilkan corak. Catan songket di atas kanvas oleh Faizal menjadi kesinambungan tradisi dalam bentuk catan kontemporari yang menggunakan motif songket.

Pameran ini mempamerkan 10 buah catan, 40 buah lukisan dan lakaran, dan empat buah arca yang mengambil inspirasi corak bunga songket, seperti bunga bintang, bunga tanjung, matahari dan awan larat, dan Pelukis menggabungkan kraf dan kesusasteraan tradisi melalui tema naratif dalam sejarah Melayu mengenai perjalanan Tun Mamat




44

Dewan Budaya | BIL. 4 2017



45

Dewan Budaya | BIL. 4 2017



ARTS & Literature - Songket

pg : 44 - 47

catr. no = 0000275141
ART 2017/A11


dan laksamana yang melalui sebuah taman yang indah dan misteri dalam usaha meminang Puteri Gunung Ledang. Kisah ini berdasarkan *Sulalatus Salatin*.

Bagi pengunjung yang menghadiri pameran ini, terdapat pelbagai perkara menarik yang sukar untuk dilihat dalam mana-mana pameran seni yang lain. Antaranya termasuklah sebuah karya catan songket atas kanvas yang bertajuk *Taman Impian Ledang II*. Karya yang berukuran 549 cm x 123.5 cm ini dapat dikatakan sebagai catan songket terpanjang yang pernah dihasilkan. Pelukis menggambarkan sebuah taman mistik yang indah dipenuhi pelbagai jenis spesies bunga. Penulis ini yakin bahawa sesiapa sahaja yang melihat catan ini pasti terpegun dengan setiap perincian dan nilai estetika yang terdapat pada songket tersebut.




Di samping itu, pengunjung juga boleh mendapatkan gambaran awal mengenai kronologi peminangan Puteri Gunung Ledang dalam pameran ini. Pada awal pameran ini, Faizal merakamkan teks sastera melalui lukisan bersiri dengan tajuk *Peminangan Puteri Gunung Ledang* oleh raja Melaka dengan

kronologi 18 babak lukisan landskap mengenai perjalanan rombongan itu. Pengakhiran babak memperlihatkan permintaan yang diinginkan oleh sang puteri yang perlu dipenuhi. Mengenai lukisan ini, pelukis menggambarkan kegilaan sang raja yang sanggup melakukan apa-apa sahaja bagi memenuhi keinginan di hati walaupun membebankan ahli keluarga dan rakyat. Hal ini menggambarkan komentar sosial terhadap ketamakan penguasa.

Tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas. Itulah yang dapat penulis ini gambarkan tentang keistimewaan seni songket ini. Sememangnya keunikan songket ini tidak boleh ditandingi



Taman Impian Ledang II
Faizal Sidik
549 cm x 123.5 cm
2017




oleh mana-mana fabrik moden yang lain. Jika kita lihat seseorang itu memakai busana songket, walaupun sekadar samping songket, pastinya kita akan terkesima. Dapat dikatakan bahawa pemakaian songket menonjolkan semangat kebangsaan dan menggambarkan jati diri si pemakainya. Dalam seni catan juga, catan songket mempunyai kelasnya yang tersendiri dan mampu "menarik" mata yang melihatnya.

Pameran "Faizal Sidik: Catan Songket" ini berlangsung di Muzium Seni Asia, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, dari 2 hingga 28 Februari 2017 yang lalu. Pameran catan songket ini merupakan kesinambungan idea daripada dua pameran solo sebelum ini. Pameran solo pertama bertajuk "Faizal Sidik: Drawings 1996-2006" berlangsung di MTDC Gallery, manakala yang kedua bertajuk "Sublime Weave" diadakan dengan kerjasama Shalini Ganendra Fine Art dan Kuala Lumpur Performance Art Centre.³⁸



Taman Impian Ledang

46



47